

14 NOVEMBER 2017

Sebanyak 0.03 peratus murid pernah cuba dadah

Sebanyak 0.03 peratus murid **pernah cuba dadah**

KUALALUMPUR - Sebanyak 0.03 peratus daripada 4.7 juta orang murid dikenal pasti terlibat mencuba dadah bagi tempoh sehingga 31 Julai 2017.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Datuk Chong Sin Woon berkata, daripada peratusan tersebut, pecahan mengikut jenis dadah yang dicuba ialah 75.68 peratus jenis metamphetamine, 16.73 peratus kanabis, 5.17 peratus opioid, 2.23 peratus amphetamine dan 0.19 peratus dadah jenis ketamin.

Beliau berkata, jumlah yang dinyatakan tersebut adalah bilangan murid yang mencuba dadah dan tidak dikategorikan sebagai penagih dadah.

"Mereka tidak digelar penagih kerana seorang penagih, atau penjual mereka menyimpan dadah. Tetapi golongan ini masih mengikuti pembelajaran dan aktiviti sekolah seperti biasa, namun hanya perlu mengikuti pemantauan dan bimbingan te-



Ujian saringan tidak akan dijalankan di setiap sekolah kerana tiada peruntukan selain melibatkan kos tinggi.

rancang oleh kaunselor sekolah," katanya menjawab soalan Siti Mariah Mahmud (Amanah-Kota Raja), semalam.

Siti Mariah meminta Kementerian Pendidikan menyatakan bilangan terkini penagih dadah di kalangan pelajar sekolah.

Menjawab soalan tambahan Siti Mariah sama ada kementerian membuat ujian saringan kepada pelajar yang terlibat dalam gejala dadah, Sin Woon berkata, ujian saringan tidak akan dijalankan di setiap sekolah kerana tiada peruntukan

selain melibatkan kos tinggi.

Beliau berkata, usaha membanteras gejala dadah dalam kalangan pelajar sekolah bermula sejak 1986 dan pelbagai pendekatan dilaksanakan Kementerian Pendidikan.

"Pendekatan yang dilaksanakan oleh kementerian adalah melalui pendidikan pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan menengah.

"Ujian urin untuk murid sekolah menengah akan dilaksanakan kementerian dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)," katanya.

Katanya, Kementerian Pendidikan melihat pelaksanaan ujian urin kepada semua murid dan pelajar akan meninggalkan impak psikologi, terhadap murid dan ibu bapa.

"Ia akan memberi impak negatif kepada murid-murid biasa dan ibu bapa serta sudah tentu mendapat bantahan," katanya.